

NO SOALAN : 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN
ALI
(GOMBAK)**

**TARIKH : 15 NOV 2016
(SELASA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah kriteria pemilihan bagi 10 buah syarikat yang dianugerahkan kontrak pertahanan bernilai RM2.9 bilion pada Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2016 pada April lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap perolehan aset-aset ATM yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan adalah berdasarkan kepada peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Pemilihan syarikat untuk dianugerahkan kontrak semasa DSA 2016 telah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Kementerian Pertahanan secara sebulat suara dan mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

Lembaga Perolehan membuat keputusan berdasarkan kepada kelebihan spesifikasi teknikal dan penilaian harga sesuatu peralatan atau perkhidmatan yang akan dibekalkan.